




UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000



"KEDAH SEJAHTERA"

BEND20090414-KB0945

14 April 2009

PEKELILING BENDAHARI BIL 6/2009

Semua Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/Pengarah

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan

SURAT PENURUNAN KUASA PEGAWAI PENGAWAL KEPADA STAF YANG MEMBUAT PUNGUTAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Di bawah Peraturan Kewangan Universiti, staf yang dibenarkan membuat pungutan hendaklah mendapat surat kebenaran bertulis dari Pegawai Pengawal.

Oleh yang demikian berkuatkuasa serta merta semua PTJ yang mana terdapat staf yang menjalankan fungsi pungutan atau ingin menjalankan sebarang program yang melibatkan pungutan, hendaklah mendapatkan surat penurunan kuasa terlebih dahulu. Permohonan surat ini boleh dibuat melalui Jabatan Bendahari dengan mengemukakan nama, jawatan dan no. kad pengenalan staf yang akan terlibat membuat kutipan. PTJ adalah diingatkan supaya membuat permohonan baru setiap kali berlaku perubahan staf yang melaksanakan tugas tersebut.

Sehubungan dengan itu juga permohonan oleh PTJ bagi mendapatkan stok "pre-printed" resit atau sistem terimaan secara "off-line" perlu menyertakan bersama sesalinan surat penurunan kuasa staf yang terlibat membuat pungutan dan kegagalan berbuat demikian menyebabkan permohonan tersebut tidak akan diluluskan.

Sekian terima, kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah


HJ AMRON MAN
Bendahari
b.p Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia

- s.k. - Yang Berbahgia Tan Sri Naib Canselor
- Yang Berusaha Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Edaran



Status Institution